

02 FEBRUARI 2018

Cinta klorofom

HARIAN METRO

SEBAHAGIAN cecair yang dipercayai digunakan untuk menghasilkan dadah.

BARANG mentah yang dirampas dalam serbuan sama.

Cinta klorofom

■ **Polis tahan pasangan kekasih jadi 'saintis' hasil dadah**

Mohd Hafzee Mohd Arop
hafzee@hmetro.com.my

Batu Gajah

Seorang lelaki tempatan dan kekasihnya yang juga warga Vietnam ditahan polis selepas pemeriksaan di rumahnya di Jalan Besar Bemban Baru, Batu Gajah, menemui cecair klorofom dipercayai digunakan untuk menghasilkan dadah.

Selain cecair berkenaan, serbuan jam 2.45 petang 24 Januari lalu yang dijalankan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Gajah turut menemui dadah jenis heroin seberat 27.0 gram, ketamin (1.12 gram) dan kafein (24.2 gram).

Difahamkan semua dadah yang dirampas untuk edaran di sekitar Batu Gajah.

Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Asisten Komisier Ahmad Tarmizi Shaari berkata, suspek lelaki berusia 47 tahun serta

wanita warga Vietnam berusia 32 tahun itu dipercayai sudah empat bulan menjalankan kegiatan itu.

Katanya, siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenalpasti pembabit suspek lelaki dan wanita itu sama ada hanya bertindak sebagai pengedar ataupun menjalankan kegiatan pembuatan dadah.

Menurutnya, ujian air kencing dijalankan mendapati lelaki berkenaan positif morfina manakala kekasihnya positif amfetamin dan methampetamin.

"Kedua-dua mereka direman 14 hari sehingga Selasa depan bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952," katanya pada sidang media di IPD Batu Gajah di sini, semalam.

Ahmad Tarmizi berkata, selain merampas semua dadah dan cecair klorofom ditemui itu, polis turut menyita sebuah kereta jenis Audi TT milik suspek lelaki yang bernilai RM100,000.

FAKTA
Hasil ujian saringan air kencing mendapati suspek positif morfina